



Kenyataan Media

CYBERJAYA

15 Jun 2021

MENARA KOMUNIKASI MILIK TM TUMBANG AKIBAT HUJAN LEBAT DAN ANGIN KENCANG DI SEBERANG PERAK, PERAK TENGAH

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan terdapat satu insiden menara milik TM yang dikongsi bersama dengan Celcom telah tumbang dipercayai akibat kejadian hujan lebat dan angin kencang di Seberang Perak, Perak Tengah pada 13 Jun 2021 sekitar jam 4.00 petang.

Ekoran daripada kejadian menara yang tumbang, gangguan liputan komunikasi dan *Internet* dijangka berlaku bagi pelanggan TM Unifi Mobile dan Celcom.

Lantaran itu, pihak MCMC telah mengarahkan penyedia perkhidmatan yang berada di menara tersebut untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih dengan segera. Sebagai langkah awal, *Mobile Base Transceiver Station (MBTS)* akan digerakkan ke lokasi kejadian untuk memberikan perkhidmatan dan memulihkan liputan selewat-lewatnya Jumaat ini.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



MCMCTV